

Kota Marudu: Peluang menyertai aktiviti lasak selama tiga hari dua malam dalam pengisian Program X-Plorasi Komuniti Magandai memberikan pengalaman baharu kepada 30 Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PR-Siswa) Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pengarah Program, Muhammad Yusuf Mohd Sobery, berkata selain aktiviti lasak, program anjuran bersama dengan Kelab Rekreasi UMS (KRUMS), Kelab Sukarelawan Pacuan Empat Roda UMS, dan juga Sekolah Perubatan UMS turut menjadi medan perkongsian ilmu dalam kalangan peserta.

Katanya, program bermatlamat menyuntik

Kembara lasak di Magandai

BH 3.7.2014 v9



Semua krew program sempat bergambar sebagai **tanda kenang-kenangan di tapak perkhemahan**.

semangat dan memberi motivasi kepada pelajar dan ibu bapa itu mendapat sambutan luar biasa daripada komuniti Kampung Magandai khususnya dalam kalangan warga

Sekolah Kebangsaan Magandai.

Cabarang getir

"Dalam program ini, peserta merasai sendiri pelbagai pengalaman khusus-

nya dalam merasai sendiri sendiri pahit-getir cabaran dan kekurangan hidup masyarakat di pedalaman.

"Antara pengalaman menarik ialah perjalanan kami untuk ke pedalaman

menaiki 15 kenderaan pacuan empat roda dan aktiviti menanam pokok sebagai simbolik terhadap usaha pelestarian alam," katanya.

Muhammad Yusuf yang juga Presiden Kelab PR-Siswa UMS berkata, pihaknya amat berterima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEP) khususnya kepada Timbalan Naib Canselor UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur kerana menyokong segala usaha dalam merealisasikan program kemasyarakatan terbabit.

"Bertemakan 'Meneroka Realiti, Membantu Komuniti', program ini juga sebenarnya dianjurkan bersempena dengan sambutan Ulang Tahun UMS ke-20," kata dia.



Peserta program berpusu-pusu berkumpul untuk menyaksikan penyempurnaan penanaman pokok Simbolik 20 Tahun UMS di halaman kawasan sekolah.